

TAKAFULINK DANA SUKUK

All information as at 30 June 2026 unless otherwise stated
Semua maklumat adalah seperti pada 30 Jun 2026 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Sukuk aims to provide medium-to-long term accumulation of capital by investing in selected sukuk and Islamic money market instruments.


Takafulink Dana Sukuk bertujuan untuk menyediakan pengumpulan modal jangka sederhana ke panjang melalui pelaburan dalam sukuk dan instrumen pasaran wang Islam yang terpilih.

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd.
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/12/2006
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM377,285,039.99
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	0.50% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.12077

How the Fund has performed / Prestasi Dana


Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Sukuk Vs. Maybank 12-month Islamic
Fixed Deposit-i rate



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	0.14%	0.55%	0.99%	2.57%	12.41%	19.14%	112.08%
Benchmark / Penanda Aras	0.17%	0.48%	0.99%	2.07%	7.51%	12.56%	69.13%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	-0.03%	0.07%	0.00%	0.50%	4.90%	6.58%	42.95%

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Corporate Sukuk	77.21
2 Quasi Government	11.53
3 Cash, Deposits & Others	5.85
4 Government	5.42

Takafulink Dana Sukuk Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Infracap Resources Sdn Bhd	2.72
2 Sarawak Energy Berhad	2.46
3 DanaInfra Nasional Berhad*	2.17
4 AEON Credit Service (M) Sdn Bhd	1.99
5 S P Setia Berhad	1.87
6 Gamuda Berhad	1.69
7 DanaInfra Nasional Berhad*	1.68
8 Edra Energy Sdn Bhd	1.50
9 Eco World Perpetual Capital Berhad	1.48
10 Malaysian Resources Corporation Berhad	1.40

* Different coupon rates & maturity dates for each.

TAKAFULINK DANA SUKUK

All information as at 30 June 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 Jun 2026 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Fixed Income

Market Review

Malaysia's industrial production increased 8.2% YoY in April 2026, accelerating from the 3.1% rise seen in the month prior and surpassing market expectations. The strong uptick was driven by a faster expansion in manufacturing output. Malaysia's unemployment rate stood at 3.0% in April (March: 2.9%) as the increase in unemployed people outpaced hirings. Despite the slight rise, the rate reflects 'full employment' status according to economists, with a Labor Force Participation Rate of 70.9%. Malaysia's inflation rate rose 2.0% YoY in May (April: 1.9%), driven mainly by increases in information and communication, food & beverages and housing related costs & recreation, sport & culture. On a month-on-month basis, headline inflation increased 0.1% in May, slowing from the 0.4% rise recorded in April. Total trade in May 2026 amounted to RM327.6 billion with exports and imports valued at RM184 billion and RM143.6 billion, respectively. Exports increased by RM57.4 billion or 45.3% on a Y-o-Y basis with shipments largely driven by Penang, while imports increased by 14.1%. The rise in imports were also driven by Penang. On the political front, the Johor State Legislative Assembly was dissolved on 1 June 2026 paving the way for the 16th Johor state election which is to be held on 11 July 2026. Meanwhile, the Negeri Sembilan state elections is scheduled for 1 August 2026. The state elections will be watched closely as indicators of political support ahead of Malaysia's next general election which is due by early 2028. The US-Iran Memorandum was signed on 17 June 2026, with the agreement establishing a ceasefire framework and launching a 60-day negotiation period covering issues such as the Strait of Hormuz, Iran's nuclear and missile programmes, sanctions & implementation mechanisms. The diesel subsidy mechanism (BUDI MADANI Diesel) was standardized nationwide starting on 1 July 2026. MoF also indicated that despite the ceasefire, it is too soon to raise the BUDI95 monthly quota back to 300 litres (from 200 litres).

Market Outlook

At the time of report writing, we saw BNM maintaining the OPR at 2.75% on 9 July 2026. In general, it was a largely neutral policy stance with BNM stating that the current policy stance is appropriate to support price stability and sustainable economic growth. It was mentioned that inflation averaged 1.7% and core inflation 2.1% for the first five months of 2026, suggesting limited near-term inflation pressure. They continued to flag uncertainty from the Middle East conflict, tighter global financial conditions and potential commodity price volatility as the main downside risks. Geopolitical risks continue to linger at this juncture despite investor sentiment improving following the signing of the US-Iran ceasefire agreement which facilitated the reopening of the Strait of Hormuz. Subsequent reports indicate the security situation remains fragile despite the reopening as it is not fully normalized. The upcoming Johor state election on 11 July 2026 will be closely watched as an indicator of Malaysia's political climate. Key economic releases in July: Manufacturing PMI (1 July), Industrial Production (9 July), Unemployment Rate (10 July), Inflation data (17 July), Trade data (20 July). There are three auctions in the month of July: 10-yr Reopening of MGS 7/35, 3.5-yr Reopening of MGII 7/29 and 15-yr Reopening of MGS 1/41. At the time of writing, the first auction in July which was the 10-yr Reopening of MGS 7/35 drew a tepid 1.87x BTC only likely due to the robust PDS supply and the new 10-yr new issue expected in Q42026. Technicals are expected to improve in 3Q26 as maturities slightly exceed new issuance, supporting reinvestment demand and MGS/GII valuations. The MGS yield curve moved modestly higher in the month of June, with the increase slightly more pronounced at the long end, resulting in a mild bear steepening bias. The 3Y and 10Y benchmarks rose by 3bps each, while the 30Y benchmark increased by 4bps. Meanwhile, the 5Y and 15Y tenors were largely unchanged. MGS term spreads remained tight relative to historical averages, particular in the 10Y-30Y segment, suggesting limited term premium and relatively rich long-end valuations. MoM, credit spread performance was mixed across rating bands. The most notable weakness was seen in GGs, where front-end spreads widened by 3-9bps, particularly the 5Y tenor. AAA and AA2 credits also experienced modest widening at shorter maturities. In contrast, spread movements at the longer end were generally contained, with most tenors moving within a narrow ± 2 bp range. Lower-rated A2 credits remained relatively resilient, posting modest spread tightening across selected maturities.

Fund Review & Strategy

Returns in June were primarily driven by the 3 to 7-year duration segment, which delivered the strongest total returns during the month. From a credit rating perspective, the Fund's performance was anchored by the AAA and AA3 segments, with AA3 generating the highest total returns. Across sectors, performance contributions were broad-based, with real estate, banking, infrastructure (others), and power emerging as the key contributors. On the other hand, the Fund's relatively lower exposure to toll roads, financial services, and construction weighed on performance, as these sectors recorded some of the highest total returns during the month. We expect BNM to keep the OPR unchanged in the near term amid contained inflation and resilient growth, albeit a slightly more hawkish backdrop. Nevertheless, global economic data and ongoing geopolitical risks will continue to influence market sentiment and sukuk yields as regional security conditions remain fragile despite the reopening of the Strait of Hormuz. Specifically for this portfolio, we continue to focus on high-quality corporate sukuku, particularly domestically focused issuers with strong fundamentals, resilient cash flows and healthy balance sheets. In the primary market, we will selectively add exposure to new issuances offering attractive risk-adjusted yields in line with current market dynamics. While improving technicals in 3Q26 are expected to provide support for MGS, term spreads remain relatively compressed. As such, we retain a neutral view on government sukuku and will remain tactical, seeking opportunities to add exposure when yield levels become more compelling. We remain neutral to modestly overweight on duration preserve tactical flexibility amid persistent external uncertainties.

Pendapatan Tetap

Tinjauan Bulanan

Pengeluaran perindustrian Malaysia meningkat 8.2% YoY pada bulan April 2026, meningkat daripada kenaikan 3.1% yang dicatat pada bulan sebelumnya dan mengatasi jangkaan pasaran. Peningkatan yang kukuh ini didorong oleh pengembangan output pembuatan yang lebih pantas. Kadar pengangguran Malaysia ialah 3.0% pada bulan April (Mac: 2.9%) memandangkan pertambahan penganggur mengatasi pengambilan pekerja. Walaupun terdapat sedikit peningkatan, kadar tersebut mencerminkan status 'guna tenaga penuh' menurut ahli ekonomi, dengan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh sebanyak 70.9%. Kadar inflasi Malaysia meningkat 2.0% YoY pada bulan Mei (April: 1.9%), didorong terutamanya oleh peningkatan sektor maklumat dan komunikasi, makanan & minuman dan kos berkaitan perumahan & rekreasi, sukan & budaya. Berasaskan bulan ke bulan (MoM), inflasi keseluruhan meningkat 0.1% pada bulan Mei, memperlambat daripada kenaikan 0.4% yang dicatatkan pada bulan April. Jumlah perdagangan pada bulan Mei 2026 berjumlah RM327.6 bilion dengan eksport dan import masing-masing bernilai RM184 bilion dan RM143.6 bilion. Eksport meningkat sebanyak RM57.4 bilion atau 45.3% berdasarkan tahun ke tahun (YoY) dengan penghantaran sebahagian besarnya didorong oleh Pulau Pinang, manakala import meningkat sebanyak 14.1%. Peningkatan import juga dipacu oleh Pulau Pinang. Dalam bidang politik, Dewan Undangan Negeri Johor telah dibubarkan pada 1 Jun 2026, lantas membuka laluan kepada pilihan raya negeri Johor ke-16 yang diadakan pada 11 Julai 2026. Sementara itu, pilihan raya negeri Negeri Sembilan dijadualkan pada 1 Ogos 2026. Pilihan raya negeri akan dipantau dengan teliti sebagai petunjuk sokongan politik menjelang pilihan raya umum Malaysia kelak, yang dijadualkan pada awal tahun 2028. Memorandum AS-Iran telah ditandatangani pada 17 Jun 2026, dengan perjanjian tersebut mewujudkan rangka kerja gencatan senjata dan melancarkan tempoh rundingan selama 60 hari yang meliputi isu-isu seperti Selat Hormuz, program nuklear dan peluru berpandu Iran, sekatan & mekanisme pelaksanaan. Mekanisme subsidi diesel (BUDI MADANI Diesel) telah diseragamkan di seluruh negara bermula 1 Julai 2026. Kementerian Kewangan juga menyatakan bahawa meskipun dengan gencatan senjata, masih terlalu awal untuk menaikkan kuota bulanan BUDI95 kembali kepada 300 liter (daripada 200 liter).

Gambaran Bulanan

Semasa laporan ini ditulis, kami maklum bahawa BNM mengekalkan OPR pada 2.75% pada 9 Julai 2026. Secara umum, ia pendekatan yang neutral dengan BNM menyatakan bahawa pendirian dasar semasa bersesuaian untuk menyokong kestabilan harga dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

TAKAFULINK DANA SUKUK

All information as at 30 June 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 Jun 2026 melainkan jika dinyatakan

Turut dimaklumkan bahawa purata inflasi ialah 1.7% manakala inflasi teras ialah 2.1% bagi lima bulan pertama tahun 2026, yang menunjukkan bahawa tekanan inflasi jangka pendek terhad. Bank pusat tersebut juga terus memberi amaran tentang ketidakpastian akibat konflik Timur Tengah, keadaan kewangan global yang lebih ketat manakala potensi turun naik harga komoditi sebagai risiko penurunan utama. Risiko geopolitik terus berlegar pada ketika ini meskipun sentimen pelabur bertambah baik susulan pemeteraian perjanjian gencatan senjata AS-Iran yang mempermudah pembukaan semula Selat Hormuz. Laporan seterusnya menunjukkan situasi keselamatan masih rapuh meskipun selat dibuka sepenuhnya kerana ia masih belum benar-benar pulih. Pilihan raya negeri Johor pada 11 Julai 2026 diawasi dengan teliti kerana ia petunjuk iklim politik Malaysia. Terbitan ekonomi utama pada bulan Julai: PMI Pembuatan (1 Julai), Pengeluaran Perindustrian (9 Julai), Kadar Pengangguran (10 Julai), Data inflasi (17 Julai), Data perdagangan (20 Julai). Terdapat tiga lelongan dalam bulan Julai: Pembukaan Semula MGS 7/35 10 tahun, Pembukaan Semula MGII 7/29 3.5 tahun dan Pembukaan Semula 1/41MGS 15 tahun. Pada masa laporan ini disediakan, lelongan pertama pada bulan Julai iaitu Pembukaan Semula MGS 7/35 10 tahun menarik BTC 1.87x yang suam-suam kuku, mungkin disebabkan oleh bekalan PDS yang kukuh dan terbitan baharu 10 tahun dijangkakan pada 4Q2026. Teknikal dijangka bertambah baik pada 3Q2026 apabila tempoh matang sedikit melebihi terbitan baharu, lalu menyokong permintaan pelaburan semula dan penilaian MGS/GII. Keluk hasil MGS meningkat sedikit pada bulan Jun, dengan peningkatan yang nampak lebih ketara pada keluk jangka panjang, lantas mengakibatkan kecenderungan penurunan yang sederhana. Penanda aras 3Y dan 10Y masing-masing meningkat 3 mata asas, manakala penanda aras 30T meningkat sebanyak 4 mata asas. Sementara itu, tempoh 5Y dan 15Y sebahagian besarnya tidak berubah. Tebaran jangka panjang MGS kekal sempit berbanding purata sejarah, khususnya dalam segmen 10Y hingga 30Y, menunjukkan premium jangka panjang yang terhad dan penilaian jangka panjang yang agak mahal. Prestasi spread kredit bercampur-campur merentasi jalur penarafan MoM. Kelemahan yang paling ketara dilihat dalam GG, yang mana tebaran jangka pendek atau bahagian hadapan melebar sebanyak 3 hingga 9 mata asas, terutamanya tenor 5Y. Kredit AAA dan AA2 juga mengalami pelebaran sederhana pada tempoh matang yang lebih pendek. Sebaliknya, pergerakan tebaran pada tempoh yang lebih panjang secara amnya terkawal, dengan kebanyakan tenor bergerak dalam julat sempit ± 2 mata asas. Kredit A2 yang diberi penarafan lebih rendah kekal agak berdaya tahan, mencatatkan penyempitan tebaran yang sederhana merentasi tempoh matang tertentu.

Tinjauan dan Strategi Dana

Pulangan pada bulan Jun didorong terutamanya oleh segmen tempoh 3 hingga 7 tahun, yang memberikan jumlah pulangan tertinggi. Menurut perspektif penarafan kredit, prestasi Dana disokong oleh segmen AAA dan AA3, dengan AA3 menjana jumlah pulangan terbesar. Meninjau keseluruhan sektor, sumbangannya kepada prestasi bersifat menyeluruh, dengan sektor hartanah, perbankan, infrastruktur (lain-lain) dan kuasa baru muncul selaku penyumbang utama. Sebaliknya, pendedahan Dana yang agak rendah kepada jalan bertol, perkhidmatan kewangan dan pembinaan memberi kesan kepada prestasi, kerana sektor-sektor ini antara yang mencatat jumlah pulangan tertinggi pada bulan tersebut. Kami jangkakan BNM mengekalkan OPR pada masa terdekat di tengah-tengah inflasi yang terkawal dan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, walaupun latar belakang cenderung sedikit agresif. Walau bagaimanapun, data ekonomi global dan risiko geopolitik yang berterusan akan terus mempengaruhi sentimen pasaran dan hasil sukuk kerana keadaan keselamatan serantau kekal rapuh meskipun Selat Hormuz dibuka semula. Khusus bagi portfolio ini, kami terus memberi tumpuan kepada sukuk korporat berkualiti tinggi, terutamanya penerbit yang tertumpu dalam negara, mempunyai asas yang kukuh, aliran tunai yang stabil dan kunci kira-kira yang sihat. Dalam pasaran utama, kami akan menambah pendedahan secara terpilih kepada terbitan baharu yang menawarkan pulangan diselaraskan risiko yang menarik selaras dengan dinamik pasaran semasa. Walaupun penambahbaikan teknikal pada 3Q2026 dijangka memberikan sokongan kepada MGS, namun tebaran jangka panjang kekal agak termampat. Oleh itu, kami mengekalkan pandangan neutral terhadap sukuk kerajaan dan akan tetap taktikal, mencari peluang untuk menambah pendedahan apabila tahap hasil menjadi lebih menarik. Kami mengekalkan pegangan yang neutral hingga lebihan berat secara sederhana ke atas durasi, mengekalkan fleksibiliti taktikal di tengah-tengah ketidakpastian luaran yang berterusan.

Source / Sumber: Fund Commentary, June 2026, Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd.

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana. Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL